

# DBKL wujudkan sistem aduan awam

**KUALA LUMPUR 14 April** — Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjangka dapat menyelesaikan masalah berkaitan penduduk dalam tempoh lebih singkat dengan pelaksanaan kaedah baru sistem aduan awamnya bermula hari ini.

Dengan pendekatan itu orang ramai berpeluang bersemuka dengan pegawai jabatan berkenaan bagi melicinkan proses aduan, tindak balas serta tindakan susulan.

Datuk Bandar, Tan Sri Kamaruzzaman Shariff berkata, peluang itu dibuka kepada warga kota pada setiap Sabtu, sementara pada hari Isnin hingga Jumaat, seorang pegawai aduan awam akan ditugaskan khusus untuk melayan setiap aduan, sebelum menyalurkannya kepada pihak tertentu.

Menurutnya, sistem yang sedia ada hanya membenarkan orang ramai menyampaikan aduan tanpa menyediakan ruang kepada mereka untuk bertemu sendiri dengan pegawai berkenaan.

“Melalui pelaksanaannya

setiap aduan dapat diteliti dengan lebih cepat dan tindakan akan dibuat dengan segera tanpa perlu mengikut kaedah sebelumnya.

“Setiap aduan seperti mana sebelum ini direkodkan secara langsung melalui komputer DBKL dan mana-mana jabatan dapat melihat dan mengambil tindakan dengan segera,” kata beliau.

Jelas Kamaruzzaman, kaedah tambahan itu memberi peluang kepada warga kota untuk berhubung secara terbuka dengan DBKL dan kaedah tindakannya juga boleh diambil dengan cepat.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas memperkenalkan sistem itu di Bilik Aduan Bersemuka DBKL, hari ini.

Bilik aduan dibuka setiap Isnin hingga Jumaat, mulai pukul 8 pagi hingga 4.15 petang di Tingkat Satu, Bangunan DBKL di Jalan Raja Laut di sini.

Orang ramai juga boleh membuat aduan menerusi telefon 2993852, 2934531, faksimile 2980460 atau e-mel [dbkl-pro@tm.net.my](mailto:dbkl-pro@tm.net.my).